

29 NOV 2002

DR MAHATHIR LANCAR "BERSAMAMU UMNO MELALUI SMS"

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan khidmat pesanan ringkas (SMS) baru Celcom yang membolehkan pelanggan syarikat itu yang terdiri daripada anggota Umno mendapat maklumat terkini parti.

Perasmian khidmat "Bersamamu Umno Melalui SMS" itu dibuat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini dan dihadiri para pemimpin Umno.

Buat permulaan, khidmat itu akan membolehkan anggota Umno memeriksa status keanggotaan atau memuat turun nada deringan lagu dan logo Umno, Wanita, Pemuda dan Puteri.

Pada fasa kedua yang akan dilancarkan April depan, pengguna boleh mengakses maklumat seperti Direktori Umno, keputusan pilihan raya, program acara dan petikan kata-kata Dr Mahathir.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi Celcom Datuk Dr Munir Majid.

-- BERNAMA
MAM RZS MOZ